

Ilmu Watan Suku Kaum Kadazan di Sabah, Malaysia

(Kabaahan Sandad do Tuhun Mamasok-Kadazan id Sabah, Malaysia)

oleh:

Rita Lasimbang

Kadazandusun Language Foundation (KLF)

Yayasan Bahasa Kadazandusun

Peti Surat 420, 89507 Penampang, Sabah

Abstrak

Kertas kerja ini membincangkan ilmu watan yang berkait rapat dengan kehidupan orang asal di Sabah, khususnya suku kaum Kadazan dari daerah Penampang. Semua aktiviti harian seperti menyediakan tapak semaian, menanam biji benih sayur-sayuran dan tanam-tanaman, mengambil tumbuhan ubatan tradisional, mengambil dan mengumpul bahan binaan, bambu/buluh dan bahan untuk kraf serta melangsungkan atau melaksanakan peristiwa penting dalam kehidupan seperti pertunangan, perkahwinan dan perkabungan dirujuk kepada fasa dan saiz bulan. Maka kertas kerja ini memberi penerangan ringkas tentang kalendar suku kaum Kadazan Penampang yang berdasarkan kepada fasa dan saiz bulan.

Masyarakat Kadazan banyak menggunakan konsep simbolisme atau perlambangan dari segi sifat atau bunyi-serupa dalam upacara dan amalan-amalan tradisi. Konsep ini diterangkan dalam upacara perkahwinan dan pengumpulan ubatan tradisional herba.

Kertas kerja ini juga menerangkan ilmu watan yang terkandung dalam sistem pengurusan sumber dan khazanah semula jadi secara mapan serta langkah-langkah dan usaha yang sedang dan akan dijalankan untuk melestarikan ilmu watan orang asal di Sabah.

1. Latar belakang

Sabah (Malaysia Timur) merangkumi bahagian utara Kepulauan Borneo, terletak di antara 4 dan 7 darjah di atas Garisan Khatulistiwa. Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia, terdapat kira-kira 3.12 juta orang yang menetap di Sabah (Statistik 2010).

Dalam suatu kaji selidik bahasa pada awal tahun 1980-an, terdapat 54 bahasa-bahasa orang asal (*indigenous languages*) dengan tidak kurang daripada 80 dialek telah dikenal pasti di Sabah (Lewis et al, 2013). Rumpun-rumpun bahasa di Sabah ialah Dusunik, Murutik,

Paitanik, Sama-Bajau dan lain-lain¹. Rumpun bahasa terbesar ialah dari keluarga/rumpun Dusunik yang terdiri daripada 13 bahasa dengan lebih daripada 700,000 penutur. Terdapat kepadatan yang tinggi bagi penutur-penutur bahasa Kadazan/Dusun di daerah-daerah seperti Ranau, Tambunan, Penampang, Papar, Tuaran, Kota Belud, dan di sekitar luar Bandaraya Kota Kinabalu. Penutur bahasa Kadazan/Dusun juga terdapat di daerah Beaufort, Kinabatangan, Labuk-Sugut, dan Keningau serta beberapa perkampungan di daerah Tenom dan Tawau (Banker & Banker, 1984).

Di Sabah, terminologi “Kadazan” dan “Dusun” digunakan untuk merujuk kepada golongan penutur yang merujuk diri mereka dengan menggunakan terminologi tersebut.

Terminologi “Kadazandusun” digunakan untuk merujuk kepada “Bahasa Kadazandusun” yang merupakan jenis ‘standard’ bagi penutur-penutur bahasa Dusunik. Bahasa Kadazandusun telah mula diajar di tahap percubaan (*trial level*) pada tahun 1997 di 15 buah sekolah terpilih di seluruh Sabah dengan kendalian pihak Jabatan Pendidikan Negeri Sabah.

Pemilihan terminologi “Bahasa Kadazandusun” telah dipersetujui oleh kedua-dua persatuan bagi penutur-penutur bahasa Dusunik, iaitu Kadazan Dusun Cultural Association (KDCA) dan United Sabah Dusun Association (USDA) pada 24 Januari 1995².

Sejak fasa implementasi pengajarannya pada tahun 1997, kini pengajaran dan pembelajaran Bahasa Kadazandusun dilangsungkan kepada 27,453 pelajar sekolah rendah dan menengah oleh 976 guru Bahasa Kadazandusun di 628 buah sekolah rendah dan menengah, di 13 daerah di seluruh Sabah. Bahasa Kadazandusun juga kini ditawarkan di tahap IPTA, sebagai mata pelajaran elektif di UMS sejak tahun 1998; sebagai program minor sejak tahun 2010 dan program DPLI dalam Bahasa Kadazandusun sejak tahun 2011 di UPSI; dan kini, bermula pada Jun 2012, terdapat *batch* pertama 20 penuntut bagi Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda dalam Perguruan bagi Bahasa Kadazandusun dengan Kepujian di IPG Kampus Kent, Tuaran, Sabah.

¹ SIL Malaysia Branch, Revised “List of Western Austronesian Languages and Dialects in Sabah” March 1996: Kota Kinabalu

² “Perjanjian Perisytiharan Bahasa Kadazandusun sebagai Bahasa Rasmi” [Declaration of Agreement that ‘Kadazandusun’ is Official language] 24/1/1995.

Terminologi “Kadazandusun” ini juga kadang kala digunakan sebagai rujukan umum untuk masyarakat atau penutur-penutur bahasa Kadazan dan Dusun.

2. Pengenalan

Masyarakat orang asal di Sabah, khususnya suku kaum Kadazan secara tradisi ialah petani, khususnya menanam padi. Semua aktiviti atau peristiwa yang berlaku dirujuk mengikut kitaran penanaman padi atau fasa dan saiz bulan. Selain padi, masyarakat tradisi Kadazan juga menanam tanaman lain untuk saraan hidup dan mengumpul bahan makanan dari hutan, memburu binatang buruan dan menangkap ikan.

Pada zaman dahulu masyarakat Kadazan tinggal di rumah panjang. Kini cara hidup mereka dalam semua aspek telah berubah mengikut arus pembangunan, terutama sekali bagi mereka yang tinggal berdekatan dengan bandar. Transformasi ekonomi dari pertanian untuk saraan hidup seharian kepada masyarakat pengguna dan berpendapatan adalah antara perubahan yang paling ketara. Walau bagaimanapun, masyarakat Kadazan yang tinggal di luar bandar masih lagi mengamalkan cara hidup tradisi.

2.1 Institusi masyarakat Kadazan

Masyarakat Kadazan mempunyai sistem pentadbiran tradisi yang terdiri daripada empat institusi, iaitu ketua kampung (*Huguan Pogun* atau *Orang Tua*), majlis orang yang lebih tua dan berpengetahuan tentang adat (*Komohoingan Tangabaa*), *Bobohizan*--lazimnya wanita--pakar upacara ritual, dan pahlawan (*Pangazou*).

Mengikut sistem organisasi masyarakat tradisi Kadazan, keempat-empat institusi ini bekerjasama untuk menjaga kesejahteraan perihal kehidupan seharian dan hal keagamaan. Seorang pahlawan (*Pangazou*) yang terbukti kebolehan berlawan dan kualiti kepimpinan akan menjadi ketua pahlawan atau panglima yang dipanggil *Huguan Siou*, dan lazimnya mengetuai para pahlawan ke medan peperangan untuk melindungi kawasan dan hak mereka.

2.2 Sistem kepercayaan

Masyarakat tradisi Kadazan percaya akan kewujudan alam roh. Alam rohaniah dikuasai atau dikawal oleh dua dewa maha kuasa dan pencipta alam, iaitu *Kinoingan* dan isterinya *Suminundu*. Di bawah arahan mereka ialah segala roh baik dan jahat yang mempengaruhi

kesejahteraan kehidupan manusia. Roh-roh tersebut wujud selari dengan alam manusia tetapi tidak boleh diganggu. Jika berlaku gangguan sama ada sengaja atau tidak disengajakan, maka mereka mesti diberi pujukan supaya keamanan, keharmonian dan keseimbangan dalam perhubungan antara manusia, alam semula jadi dan alam roh dapat dikekalkan.

Pakar upacara ritual, *Bobohizan*, yang bertindak sebagai pengantara manusia dengan alam roh atau dunia ghaib diundang untuk melaksanakan upacara-upacara untuk memelihara keamanan dan keharmonian dan mengembalikan keseimbangan antara kedua-dua dunia tersebut. *Bobohizan* juga ialah penyembuh, pakar dalam ubat-ubatan tradisional yang menggunakan tumbuh-tumbuhan, bidan kampung serta penasihat tentang kepercayaan, budaya, tradisi, adat resam dan pantang larang dalam tiga peristiwa penting dalam kehidupan seorang dari masyarakat Kadazan, iaitu kelahiran, perkahwinan dan kematian.

2.3 Sistem sosial dan sistem budaya

Sistem sosial dan sistem budaya masyarakat tradisi Kadazan berkait rapat dengan sistem kepercayaan. Semua peristiwa penting dalam kehidupan (sistem sosial) serta bentuk-bentuk sastera dan tradisi lisan, muzik, nyanyian, tarian, permainan, kraf dan sebagainya semuanya berkaitan rapat dengan alam persekitaran mereka.

Semua aktiviti harian seperti menyediakan tapak semaian, menanam biji benih sayur-sayuran dan tanam-tanaman, mengambil tumbuhan ubatan tradisional, mengambil dan mengumpul bahan binaan, bambu/buluh dan bahan untuk kraf serta melaksanakan peristiwa penting dalam kehidupan seperti peminangan/pertunangan, perkahwinan dan perkabungan dirujuk kepada fasa atau saiz bulan (*Mintong do vuhan* ‘Tengok saiz bulan’).

Aktiviti seperti menyediakan tapak semaian, menanam biji benih sayur-sayuran dan tanam-tanaman dilangsungkan mengikut bulan baik (*vuhan tavasi*), iaitu bulan mengembang (*humisau o vuhan*) terutama sekali pada fasa *tunizan* (selepas *katang*, iaitu hari ke-9) kerana pada fasa ini tanaman akan tumbuh dengan baik.

Manakala aktiviti mengambil dan mengumpul bahan binaan (*tumpai*), bambu/buluh dan bahan untuk kraf dan kraf tangan dilakukan semasa bulan mengecil (*tumonob o vuhan*) atau *vuhan totuo* ‘bulan yang tua’, *otuo o vuhan* ‘bulan matang’ atau *kumakib o vuhan* ‘bulan membahagi menjadi kecil’. Amalan ini akan memastikan bahan yang dikumpulkan itu

adalah matang dan tidak mudah diserang oleh serangga perosak (*bubuk*). Pengambilan tumbuhan ubatan tradisional juga dijalankan semasa bulan mengecil kerana dipercayai penyakit yang diubati itu turut ‘mengecil’ (= disembuhkan) mengikut bulan mengecil.

3. Kalendar Kadazan dari daerah Penampang


Jadual berikut ialah Kalendar Kadazan dari daerah Penampang yang berdasarkan kepada fasa atau saiz bulan:

HARI	PUSINGAN SEHARIAN	MAKNA DALAM KONTEKS PENANAMAN
1.	<i>Insan Kohisau</i>	Penanaman digalakkan *
2.	<i>Induvo Kohisau</i>	"
3.	<i>Intohu Kohisau</i>	"
4.	<i>Inggapat Kohisau</i>	"
5.	<i>Inghimo Kohisau</i>	"
6.	<i>Ingonom Kohisau</i>	"
7.	<i>Intuu' Kohisau</i>	"
8.	<i>Invahu' Kohisau</i>	"
9.	<i>Katang</i>	Penanaman tidak digalakkan**
10.	<i>Tunizan Humisau Tonini'</i>	Penanaman digalakkan
11.	<i>Tunizan Humisau Tagazo</i>	"
12.	<i>Bosu Humisau Tonini'</i>	Penanaman tidak digalakkan
13.	<i>Bosu Humisau Tagazo</i>	"
14.	<i>Tontohu'</i>	Penanaman digalakkan

15.	<i>Tavang</i>	Penanaman tidak digalakkan
16.	<i>Tohikud</i>	Penanaman digalakkan
17.	<i>Tontong</i>	"
18.	<i>Hampagas</i>	"
19.	<i>Himbas</i>	"
20.	<i>Tunizan Tumonob Tagazo</i>	"
21.	<i>Tunizan Tumonob Tonini'</i>	"
22.	<i>Bosu Tumonob Tagazo</i>	Penanaman tidak digalakkan
23.	<i>Bosu Tumonob Tonini'</i>	"
24.	<i>Katang Tumonob</i>	"
25.	<i>Kohintabasan</i>	Penanaman digalakkan
26.	<i>Gizuk</i>	Penanaman tidak digalakkan; mudah diserang ulat
27.	<i>Gizuk</i>	"
28.	<i>Gizuk</i>	"
29.	<i>Gizuk</i>	"
30.	<i>Katanaban</i>	Penanaman tidak digalakkan

*Menunjukkan hari-hari yang digalakkan untuk penanaman oleh kerana tanaman dikatakan dapat mengeluarkan buah atau hasil tuaian yang baik.

**Kerja menanam pada hari-hari ini tidak digalakkan oleh kerana tanaman mungkin akan tidak mengeluarkan buah atau hasil tuaian yang baik.



Nota:

Sesuai kegiatan atau peristiwa yang berlaku dalam satu tahun juga dirujuk dalam konteks pusingan penanaman padi:

- (i) *Doun kavatang/Puun paai* - Selepas padi ditanam.
- (ii) *Doun kokotu'* - Selepas menuai.

4. Penggunaan kalendar dalam melangsungkan peristiwa penting dalam kehidupan

Bagi masyarakat Kadazan pelaksanaan peristiwa penting dalam kehidupan seperti peminangan/pertunangan (*momuaboi*) dan perkahwinan (*matod*) semuanya dirujuk kepada fasa atau saiz bulan.

4.1 Peminangan/Pertunangan (Momuaboi)

Tarikh hari pertunangan merupakan antara perkara yang dibincangkan semasa merisik (*monohuku*). Apabila seorang teruna/jejaka meminati seorang gadis atau apabila ibubapa yang mempunyai anak lelaki suka seorang gadis untuk dikahwinkan dengan anak mereka, maka mereka akan datang merisik (*monohuku*) untuk memberitahu hajat mereka. Adat merisik diamalkan di masyarakat Kadazan untuk mengelakkan jatuh air muka atau terjadinya permusuhan atau kebencian akibat daripada hajat peminangan yang ditolak. Kadang kala, atas kemurahan hati, keluarga perempuan tidak menolak hajat datang meminang walaupun mereka tidak mahu anak mereka dipinang oleh suatu keluarga, akan tetapi peminangan ditolak secara diplomasi kelak.

Hari pertunangan ditetapkan mengikut saiz bulan, pada *vuhan tavasi* ('bulan baik'), iaitu bulan mengembang (*humisau/gumazo*). Dipantangkan melangsungkan pertunangan semasa bulan mengecil (*tumonob*).

Pada hari pertunangan, jumlah rombongan pihak lelaki hendaklah dalam bilangan ganjil, iaitu lima (5), tujuh (7), sembilan (9) atau 11 dan datang ke rumah perempuan pada waktu pagi. Pada zaman dahulu, lelaki yang meminang tidak akan menyertai rombongan dan celap (*salapa*) digunakan sebagai tanda pertunangan. Rombongan pihak lelaki juga membawa hadiah seperti kain sarung. Sesuai dengan peredaran zaman, cincin digunakan sebagai tanda pertunangan tetapi hanya dipakai oleh perempuan. Tidak ada pertukaran cincin seperti zaman sekarang.

Setibanya rombongan pihak lelaki di rumah perempuan, mereka dijemput masuk dan duduk, dan seterusnya dihidangkan dengan minuman dan makanan ringan serta tapak sirih pinang. Pada hari pertunangan, dilarang menggunakan pinggan, mangkuk dan gelas yang sumbing ketika menghidangkan makanan.

Setelah selesai jamuan ringan, orang yang lebih tua dari pihak perempuan akan menyuruh anak-anak gadis untuk menyimpan bekas bagi minuman dan makanan ringan yang telah dihidangkan. Semua mestilah berhati-hati agar tidak ada sebarang pinggan, mangkuk dan gelas terpecah.

Apabila semua sudah disimpan, maka perbincangan, urus bicara atau perundingan akan bermula. Ini disaksikan oleh Ketua Kampong. Antara perkara yang dibincangkan semasa hari pertunangan ialah penentuan berian (*nopung*) dan hari perkahwinan.

4.2 Upacara perkahwinan

Upacara perkahwinan bagi suku kaum Kadazan ditentukan berdasarkan kepada fasa dan saiz bulan iaitu pada *vuhan tavasi* ('bulan baik'), semasa bulan mengembang (*humisau*), terutama semasa fasa *tunizan humisau* (fasa bulan mengembang pada hari ke-10 atau ke-11). *Tunizan tumonob* (fasa bulan mengecil pada hari ke-20 atau ke-21) juga dianggap fasa bulan baik. Kadang kala, hari perkahwinan ditentukan semasa fasa *kohintabasan* iaitu selepas *katang* (bulan setengah), di mana fasa *katang* mesti dielakkan.

Upacara perkahwinan suku kaum Kadazan juga menggunakan banyak konsep simbolisme atau perlambangan dari segi sifat atau bunyi-serupa.

Pada hari perkahwinan (*tadau kaatadan*), mempelai menggunakan pakaian tradisi yang lengkap dengan perhiasan dan aksesori. Upacara *mivaza* (berbalas dua jalan) diadakan. Rombongan pihak pengantin lelaki akan bertandang ke rumah pengantin perempuan pada hari pertama perkahwinan dan pada keesokan hari rombongan pihak pengantin perempuan akan bertandang ke rumah pengantin lelaki.

Pada hari pertama perkahwinan pihak pengantin lelaki dan rombongannya datang ke rumah pengantin perempuan. Pengantin lelaki membawa tikar *paladani* dan pakaiannya sementara ahli-ahli dalam rombongannya membawa berian yang terdiri daripada gong, tajau (*kakanan*) dan meriam tembaga (*badi*) yang dibawa dalam *tadang* baharu atau bakul sikutan diperbuat daripada pelepah pokok rumbia.

Apabila pengantin lelaki tiba di rumah pengantin perempuan, mempelai akan menjalani upacara *momokis* atau merenjis, upacara *mimpau do pangasaan* dan upacara *momuhu do siung* yang dikendalikan oleh seorang *bobohizan* atau seorang wanita yang arif dalam adat resam masyarakat Kadazan, sebelum mereka masuk atau menaiki rumah.

Dalam upacara *momokis* atau merenjis, daun (dan bahagian tumbuhan yang berkenaan) daripada tujuh (7) jenis tumbuhan digunakan, **nama** atau **sifat** tumbuhan ritual

tersebut bersymbolisme dengan **sifat** atau **bunyi-serupa** pada kata-kata ucapan dalam upacara tersebut seperti berikut:

1. Daun pokok *Tutumatak* - *Atatak* i tangalaat = *Jatuh* yang jahat.

(Semoga jatuh atau tergugur segala yang jahat atau tidak baik.)

2. Daun pokok *Tongkuasam* - *Ataatamis miaga do asam* = Sejuk-sejuk macam *hujan*.

(Semoga aman dan damai selama-lamanya.)

3. Daun pokok *Dompu* - *Kotompu* i tangalaat = *Terpantul* yang jahat.

(Semoga terpantul segala yang jahat atau tidak baik.)

4. Daun pokok *Boibi'* - *Kobibi'* i tangalaat = *Diketepikan* yang jahat.

(Semoga diketepikan segala yang jahat atau tidak baik.)

5. Daun pokok *Hisang* - *Kohisang* i tangalaat = *Terpesong* yang jahat.

(Semoga terpesong segala yang jahat atau tidak baik.)

6. Daun pokok *Hikup* (Sejenis pokok pemanjat yang akan tumbuh di atas pokok dan menyelubungi (*kohikup*) pokok tersebut) - *Oidu' no daa i kohikup* = Terbuka atau terbangun segala yang *menyelubungi*.

(Semoga terbang segala yang menghalang kejayaan dalam kehidupan.)

7. Upih atau pelepah buluh atau *Kuzakub do poing - Ohungkab om otihib do tongus* =
Terkupas dan ditiup angin = **sifat**)

(Semoga segala yang jahat atau tidak baik “terkupas” dan dijauhkan.)

Upacara merenjis dilangsungkan serentak dengan upacara *mimpau do pangasaan* (*memijak batu asah*). Mempelai memijak batu asah yang merupakan batu keras yang diambil dari sungai. Simbolisme memijak batu asah agar perkahwinan kukuh dan berkekalan.

Selepas direnjis, mempelai menjalani upacara *momuhu do siung*. Dalam upacara ini mempelai dipakaikan terendak (*siung*) sambil *bobohizan* atau wanita yang arif dalam adat-istiadat Kadazan mengucapkan kata-kata upacara dan kemudian terendak dibuka. Simbolisme upacara ini ialah terendak simbolik kepada apa-apa sahaja yang menghalang atau menutupi rezeki pengantin, atau dalam masyarakat Kadazan simbol yang bermaksud “telah meneduhi” (*nokosiung*) atau sesuatu yang tidak baik. Sementara perbuatan membuka terendak (*momuhu do siung*) simbolik kepada membuka atau membuang penghalang rezeki tersebut.

Setelah upacara ini dilangsungkan, maka mempelai masuk ke dalam rumah untuk upacara *miohon pinisi*'. Dalam upacara *miohon pinisi*', mempelai diminta membuat bebola nasi (*pinisi*') dengan tangan (*momisi*') masing-masing. Kemudian pengantin lelaki diminta menyuapkan bebola tersebut kepada isterinya dan sebaliknya. Mempelai juga akan saling menyuapi sup ayam dan sedikit air tapai (*hiing*). Simbolisme upacara *miohon pinisi*' ialah mempelai menjaga antara satu sama lain.

Selepas semua upacara tersebut dilangsungkan, para hadirin dijemput untuk menikmati hidangan tengah hari berupa makanan tradisi. Pada zaman dahulu, hidangan ialah nasi dibungkus dengan daun simpuh. Pada hari perkahwinan dilarang menggunakan daun tarap. Kebanyakan masakan tradisi suku kaum Kadazan disediakan daripada bahan semula jadi seperti rebung, umbut, paku dan sebagainya. Makanan dimasak dengan cara merebus, mendidih dengan perlahan-lahan dengan sedikit air, membuat salad (*hinava*) dengan

menggunakan limau nipis dan membuat acar. Makanan tradisi yang disukai ramai ialah *hinava* ikan tenggiri.

Ketika hari perkahwinan, mempelai dijemput untuk memulakan tarian tradisi iaitu *sumazau* dengan iringan satu (1) set gong (*sompogogungan*) yang terdiri daripada enam (6) gong dan satu (1) gendang. Kadang kala *kulintangan* juga dimainkan bersama-sama dengan gong *sompogogungan*.

Pada waktu petang, rombongan pihak pengantin lelaki akan pulang sementara pengantin lelaki akan tinggal di rumah perempuan.

Pada keesokan hari, rombongan pengantin lelaki akan datang lagi ke rumah pengantin perempuan untuk membawa mempelai balik ke rumah pengantin lelaki untuk keramaian di rumah pihak pengantin lelaki.

Demikianlah upacara *mivaza* dalam adat resam perkahwinan suku kaum Kadazan Penampang.

5. Tumbuhan ubatan tradisional masyarakat Kadazan

Pengambilan tumbuhan ubatan tradisional/ubatan herba bagi masyarakat Kadazan mestilah semasa bulan mengecil (*tumonob*) kerana dipercayai penyakit yang diubati itu turut 'mengecil' (sembuh) mengikut bulan mengecil.

Masyarakat Kadazan juga banyak menggunakan konsep simbolisme atau perlambangan dari segi sifat atau bunyi-serupa dalam amalan ubatan tradisional herba.

5.1 Kategori ubatan herba masyarakat Kadazan

Ubatan herba masyarakat Kadazan boleh dibahagikan kepada dua (2) kategori iaitu (i) *usap toibau* dan (ii) *usap tagazo*.

Usap toibau (ubatan cetek atau tidak dalam) merupakan ubatan herba yang menggunakan tumbuhan yang lazim atau selalu dijumpai. *Usap toibau* digunakan untuk mengubati penyakit yang tidak teruk.

Manakala *usap tagazo* (ubatan besar) pula merupakan ubatan herba yang menggunakan pokok-pokok dan pemanjat yang tumbuh di hutan rimba. Tumbuhan dalam kategori ini digunakan apabila tumbuhan dalam kategori pertama didapati tidak mujarab. Hanya pakar herba sahaja yang mempunyai pengetahuan mengenai tumbuh-tumbuhan dalam kategori ini.

5.2 Klasifikasi ubatan herba masyarakat Kadazan

Ubatan herba masyarakat Kadazan diklasifikasikan bergantung kepada fungsi, cara-cara penyediaan dan pemberian ubatan tersebut. Terdapat enam (6) kumpulan tumbuh-tumbuhan ubatan suku kaum Kadazan. Bahagian tumbuhan yang digunakan dalam ubatan herba boleh diberikan segar atau telah dikeringkan. Selalunya bahagian daun, bunga, bebawang atau rizom digunakan segar, terutama sekali jika digunakan sebagai tuam/poultis (*poultices*) pada bahagian yang bengkak (*swellings*). Bahagian tumbuhan lain seperti batang dan akar boleh dikumpulkan pada masa tertentu, kemudian dikeringkan dan disimpan untuk kegunaan pada masa akan datang. Berikut ialah enam (6) kumpulan/kelas ubatan herba suku kaum Kadazan Penampang:

(i) *Totopis*

Ubatan herba yang tergolong dalam kumpulan ini digunakan sebagai tuam/poultis, untuk kegunaan luar sahaja (*external use only*) pada bahagian yang bengkak. Bahagian tumbuhan yang digunakan seperti daun muda, bunga, bebawang atau rizom ditumbuk, kemudian sedikit garam ditambah (untuk kemujaraban), dan dibubuh pada bahagian yang perlu dirawat. Kadang kala bergantung kepada jenis bengkak, setelah sedikit garam ditambah, poultis itu dibungkus dengan daun pisang dan dipanaskan sebelum dibubuh pada bahagian yang perlu dirawat.

(ii) *Tonokon*

Ubatan herba yang tergolong dalam kumpulan ini digunakan sebagai perebusan (*decoction*).

(iii) *Kikikison*

Ubatan herba yang tergolong dalam kumpulan ini digunakan dengan cara mengikis bahagian luar batang dan kemudian dituang dengan air panas dan dibiarkan untuk beberapa ketika. Air seduhan diminum setelah suam atau sejuk.

(iv) *Poduon*

Ubatan herba yang tergolong dalam kumpulan ini digunakan sebagai mandian (*poduon*). Herba segar atau yang telah dikeringkan direbus untuk mandian.

(v) *Pokisason*

Ubatan herba yang tergolong dalam kumpulan ini ialah untuk kegunaan luar sahaja (*external use only*) di mana daun atau bunga direnyukkan dan digosokkan (*pokisason*) pada bahagian yang memerlukan rawatan.

(vi) *Vovonodon*

Ubatan herba yang tergolong dalam kumpulan ini mempunyai sap atau cairan (*vonod*) pada batangnya. Tumbuhan dalam kumpulan ini merupakan pokok renek, kayu atau tumbuhan pemanjat. Sap yang didapati dari batangnya dituras dan diminum. Kadang kala sap yang telah dituras dititiskan di mata atau hidung.

5.3 Kepercayaan dan pantang larang atau syarat-syarat dalam pengumpulan herba ubatan

Terdapat beberapa kepercayaan yang berkaitan dengan pengumpulan dan penggunaan herba-herba ubatan serta pantang larang dan syarat-syarat yang perlu dipatuhi apabila mengumpul ubatan herba di kalangan suku kaum Kadazan.

Apabila seseorang menerima rawatan ubatan herba, dia mesti memberi *sogit* atau bayaran ritual berupa secubit garam kepada pengamal ubatan herba. Pemberian *sogit* adalah untuk mengelakkan *ouhian* atau kebalikan daripada berlaku kepada pengamal ubatan herba. Pemberian *sogit* tersebut juga memastikan kemujaraban ubatan itu tidak akan dicairkan atau menjadi kurang mujarab. Dipercayai kemujaraban sesuatu ubatan akan berkurangan apabila ia diberikan untuk merawat. Setiap ubatan herba mesti ada garam supaya ia sentiasa

mujarab bagi penyakit yang diubati seperti garam yang memang masin di mana-mana sahaja. Seseorang yang dirawat itu akan memberikan secubit garam kepada pengamal ubatan herba dan kedua-dua mereka akan masing-masing menjilat secubit garam tersebut, sambil pengamal ubatan herba mengucap:

“Oosin tomoimo iti tubat, tu’ miaga no do tusi’ tu’ misoosoboong ko do daat, noonombo pakaazan, nga’ oosin tomoimo.”

Terjemahan:

“Semoga ubatan ini senantiasa ‘masin’ (mujarab), seperti garam yang memang masin, anda pergi menyeberangi lautan, di mana sahaja anda pergi, garam itu memang masin.”

Berikut ialah beberapa pantang larang dan syarat yang mesti dipatuhi dalam pengumpulan dan pengambilan ubatan herba:

- (i) Pengamal ubatan herba mestilah sangat berhati-hati dalam perjalanan mencari ubatan herba; dia tidak boleh tersandung/terjelepok pada apa sahaja. Jika ini berlaku, maka dia perlu pulang dan hanya keluar pada keesokan hari untuk mencari ubatan herba tersebut.
- (ii) Apabila keluar mencari ubatan herba, jika dia ternampak seekor ular, maka dia mesti pulang.
- (iii) Pengamal ubatan herba tidak boleh mengambil ubatan herba jika hujan. Dia mesti tidak kena hujan. Jika ini berlaku maka ubatan herba tidak mujarab.
- (iv) Jika pengamal herba terdengar bunyi langsing burung pekaka (*hokiu*) sebelum meninggalkan rumahnya, maka dia tidak boleh pergi mengambil ubatan herba. Jika dia terdengar bunyi tersebut semasa dalam perjalanannya mengambil ubatan herba,

maka dia mesti pulang sebab ini dianggap sebagai petanda yang tidak baik. (Bunyi biasa burung pekaka tidak dianggap sebagai petanda buruk.)

- (v) Apabila pengamal ubatan herba sakit atau kurang sihat, dia tidak boleh pergi mengambil ubatan herba.
- (vi) Apabila pengamal ubatan pergi mengambil ubatan herba, dia mesti berhati-hati agar tidak berjumpa dengan sesiapaupun dan ditanya di mana dia pergi. Jika dia terjumpa dengan seseorang, maka dia tidak boleh meneruskan perjalanan, dia mesti pergi mengambil ubatan herba pada lain masa.
- (vii) Jika sebatang ranting patah dan jatuh ke atas laluannya, maka dia mesti pergi mengambil ubatan pada lain masa.
- (viii) Jika pengamal herba melihat seekor lalat, terutamanya lalat besar atau langau biru, sedang hinggap pada herba yang dia mahu mengambil, maka dia mesti meninggalkan pokok herba tersebut dan pergi mencari herba ubatan tersebut di tempat yang lain, kerana ini merupakan petanda yang tidak baik.

6. Ilmu watan dalam sistem pengurusan sumber

Komuniti orang asal secara tradisi tinggal di dalam atau di sekitar kawasan hutan dan kehidupan mereka bergantung kepada sumber asli dari hutan. Sejak turun-temurun lagi, amalan-amalan orang asal adalah berasaskan prinsip-prinsip yang berdasarkan pengetahuan mendalam mengenai hutan. Ilmu watan tersebut berdasarkan kepada sistem kepercayaan orang asal yang menyeluruh (*holistic*) dan berintegrasi. Kewujudan dan keharmonian kehidupan manusia sehati dengan alam sekitar dan rohaniah dalam keadaan seimbang. Sumber-sumber semula jadi atau dianggap pemberian Tuhan Pencipta (*Minamangun*) dan mestilah dikongsi bersama (*share*) dan dijaga oleh semua.

Ilmu watan mengenai dengan sumber semula jadi seperti hutan, tanah, air atau sungai dan hidupan liar yang merupakan sumber kehidupan orang asal telah membantu komuniti-komuniti mengurus sumber-sumber mereka secara mapan. Satu peraturan penting ialah menghadkan pengambilan sumber-sumber supaya tidak berlebihan.

6.1 Sistem *Tagal*

Satu amalan yang baik bagi penjagaan sumber air ialah mengaplikasikan peraturan yang dipanggil “*Tagal*”. Apabila didapati bahawa sumber ikan di sungai berkurangan, satu persetujuan komuniti akan diisytiharkan melalui satu upacara yang dipanggil *managal*. Sebahagian sungai akan ditandakan sebagai “Tidak dibenarkan untuk menangkap ikan” untuk beberapa masa yang ditetapkan, misalnya enam (6) bulan hingga setahun. Dengan mematuhi tempoh *tagal* ini, maka sumber ikan diberi masa untuk membiak dan menambah bilangan.

6.2 Penggunaan sumber hutan dan tanah

Prinsip utama dalam pengurusan sumber hutan bagi orang asal ialah perkaitan rapat antara semua yang wujud, keterbatasan atau keterhadan sumber, kemapanan penggunaan sumber dan apa sahaja tindakan ada tindak balasnya. Masyarakat orang asal mengetahui bahawa sumber tersebut adalah terhad, maka ada had atau batas bagi apa yang boleh diambil dari alam sekitar serta ada masa yang tertentu untuk pengumpulan dan pengambilan bahan.

Untuk memastikan sumber hutan dijaga, penebangan pokok tidak boleh secara sewenang-wenang. Tempat mengambil bahan binaan juga telah ditetapkan dan cuma saiz pokok yang sesuai dan hanya bilangan yang mencukupi diambil.

Sekiranya mengambil kayu api, jenis pokok yang diambil mestilah diteliti terlebih dahulu. Jika didapati jenis pokok tersebut ialah jenis yang dijadikan bahan binaan dan sumber bahan mentah bagi kraf dan kraf tangan, maka pokok tersebut tidak diambil tetapi dibiarkan membesar.

Untuk kegiatan mengambil bahan pengikat (*hombiding*) pagar, ia mestilah dijalankan setelah musim menuai padi selesai dan kegiatan pengambilan dijalankan serentak oleh ahli masyarakat. Amalan sedemikian adalah untuk memastikan hasil tuaian akan sentiasa baik.

Penggunaan tanah dalam sistem pertanian tradisi orang asal, yang kadang kala dilihat sebagai bercanggah dengan pemeliharaan hutan, adalah bergantung kepada adanya kawasan hutan untuk ditani. Juga jika kesuburan tanah pertanian berkurangan, satu tempoh untuk membiarkan tanah untuk subur semula diamalkan.

6.3 Sumber binatang buruan/hidupan liar

Begitu juga untuk meneruskan sumber binatang buruan dan hidupan liar senantiasa ada atau mapan, pemburuan selektif diamalkan, di mana hanya binatang buruan yang matang diburu. Pemburuan juga dihadkan supaya tidak berlebihan. Mengikut sistem kepercayaan suku kaum Kadazan, setelah mendapat binatang buruan, pemburu mestilah tidak boleh bising, tetapi mesti secara senyap-senyap mengambil hasil buruan dan pulang (*poimizo om muhi' no*). Pemburu dilarang untuk menggunakan binatang buruan yang telah didapati untuk menarik binatang buruan hidup lain untuk mendapat hasil buruan yang berlebihan. Jika larangan ini tidak dipatuhi, dipercayai sesuatu yang tidak diinginkan atau yang buruk akan berlaku.

6.4 Hasil ternakan, tuaian atau buah yang pertama

Suku kaum Kadazan juga mengamalkan sistem *mogohu'*, di mana buah daripada pokok yang telah berbuah pada kali pertama mesti tidak dihabiskan; beberapa buah mesti dibiarkan pada pokok tersebut untuk menjadi biji benih.

Begitu juga bagi hasil tuaian padi yang pertama - hasil tuaian padi yang pertama tidak boleh dijual tetapi digunakan untuk keluarga sahaja.

Begitu juga bagi binatang ternakan yang telah melahirkan anak pada kali pertama, kesemua anak tidak boleh dijual. Suku kaum Kadazan percaya bahawa jika larangan ini tidak dipatuhi, maka binatang ternakan tersebut tidak akan melahirkan anak lagi ataupun anak yang dilahirkan tidak baik bakanya.

7. Rumusan/Kesimpulan

Pada zaman dahulu, masyarakat Kadazan sangat patuh dan berpegang teguh kepada ilmu watan--budaya, tradisi, adat resam dan pantang larang sebagai pegangan hidup mereka.

Pada masa kini, terdapat banyak perubahan dalam pengamalan budaya, tradisi dan adat resam masyarakat Kadazan. Memang perkara ini tidak dapat dielakkan kerana suatu itu akan berubah mengikut peredaran masa. Antara pemangkin perubahan dalam pengamalan budaya, tradisi, adat resam tersebut termasuklah perubahan dari cara hidup tradisi kepada cara hidup moden, pendidikan, media elektronik dan perubahan dari ugama tradisi ke penganutan ugama yang teratur (*organized religions*) seperti agama Kristian dan Islam.

Namun demikian, masyarakat Kadazan terus mengamalkan budaya, tradisi, adat resam dalam tiga peristiwa penting dalam kehidupan mereka dengan penyesuaian yang relevan.

Walau bagaimanapun terdapat juga kekuatiran terutama dalam kalangan generasi lebih tua bahawa generasi akan datang tidak akan meneruskan pengamalan ilmu watan yang terkandung dalam budaya, tradisi, adat resam, ubatan herba serta bahasa ibunda masyarakat Kadazan.

Maka dengan itu, beberapa langkah dan usaha haruslah dijalankan untuk melestarikan ilmu watan suku kaum Kadazan di Sabah.

Antaranya termasuklah menanam kesedaran dan mengintegrasikan Ilmu watan dan amalan-amalan tradisi yang mapan dalam cara hidup masa kini. Ilmu watan tersebut berkonsepkan pengurusan sumber yang bersepadu dan berasaskan hormat dan sayang kepada sumber dan khazanah semula jadi.

Seterusnya, Ilmu watan dalam aspek-aspek budaya yang merangkumi nyanyian dan tarian tradisional, muzik dan alat muzik tradisional, pakaian tradisional, kraf dan kraf tangan, makanan tradisional dan sebagainya juga diintegrasikan dalam pembelajaran dan pengajaran bahasa Kadazandusun di sekolah dan di IPTA.

Pengamal ubatan herba juga telah mengutarakan kekhuatiran mereka bahawa banyak herba yang digunakan dalam ubatan tradisi herba kini sukar didapati, sudah pupus dan akan pupus pada satu hari. Ini adalah kerana hutan rimba yang merupakan sumber utama tumbuhan herba kini makin hilang.

Komuniti orang asal kini diiktiraf sebagai pemegang berkepentingan yang utama dalam menguruskan hutan kerana sumbangan mereka dalam memelihara khazanah semula

jadi serta pengalaman dan pengetahuan mereka dalam pemuliharaan hutan secara mapan. Maka dengan itu, usaha untuk memastikan agar sumber bekalan ubat-ubatan tradisi herba terpelihara, banyak komuniti orang asal kini telah mewujudkan kebun-kebun herba. Lazimnya, kebun-kebun ini diselenggarakan di dalam kawasan hutan dan bukan diwujudkan di atas tanah yang berasingan. Ini membolehkan tanaman ubatan herba untuk tumbuh di habitat semula jadinya, dan dengan cara ini juga hutan tidak perlu dibuka. Di kebun herba ini, generasi muda dapat mempelajari pelbagai jenis tumbuhan ubatan herba dan kegunaan mereka.

Kajian dan dokumentasi mengenai ilmu watan suku kaum Kadazan di Sabah juga mesti didorong, disokong, diteruskan dan disebarakan melalui teknologi moden yang ada pada zaman ICT ini.

Akhir sekali, generasi Kadazan sekarang dan yang akan datang seharusnya berusaha sedaya upaya untuk meneruskan pengamalan ilmu watan, budaya, tradisi dan adat resam Kadazan kerana ini merupakan khazanah dan warisan budaya mereka dan inilah yang memberikan identiti mereka sebagai suku kaum Kadazan di Sabah, Malaysia.

Rujukan

Banker, J. & E. 1984. The Kadazan/Dusun language. *In* King, J. W. & J. K., (eds.), *Languages of Sabah: A Survey Report*, pp. 297–324. Pacific Linguistics C - 78. Canberra: The Australian National University.

Hood Salleh (ed.), 2006. *Peoples and Traditions. The Encyclopedia of Malaysia Vol. 12*. Singapore: Archipelago Press.

Jumlah penduduk mengikut kumpulan etnik, daerah pentadbiran dan negeri, Negeri Sabah, Malaysia 2010.

Lewis, M. Paul, Gary F. Simons, and Charles D. Fennig (eds.), 2013. *Ethnologue: Language of the World, Seventeenth edition*. Dallas, Texas: SIL International.

Luping, Herman J., 2009. *Indigenous Ethnic Communities of Sabah: The Kadazandusun*. Kuala Lumpur: Ministry of Information, Communications and Culture Malaysia.

Tongkul, Felix, 2002. *Traditional Systems of Indigenous Peoples of Sabah, Malaysia: Wisdom Accumulated Through Generations*. Kota Kinabalu: PACOS Trust.

Informan

Puan Rosina Sogondu (ibu kepada penulis) dilahirkan pada 22 Disember 1937 di Kampung Nampasan, Penampang, Sabah.

Beliau mempelajari tentang budaya, tradisi, ubatan herba, adat resam dan pantang larang suku kaum Kadazan daripada ibu bapanya. Arwah ibu beliau merupakan seorang pakar dalam ubat-ubatan tradisional yang menggunakan tumbuh-tumbuhan dan bidan kampung. Beliau juga mempelajari adat resam dan pantang larang suku kaum Kadazan daripada emak saudaranya yang merupakan ketua *bobohizan* (*bohungkitas*) dari sektor Kadazan dan juga dari emak saudara dan bapa saudaranya yang lain.

Biodata Penulis



Puan Rita Lasimbang ialah Ketua Pegawai Eksekutif Kadazandusun Language Foundation (KLF) sejak 1996 sehingga sekarang. Sebelum itu, bertugas sebagai kurator di Muzium Sabah. Beliau telah mendapat Sarjana Muda (Kepujian) dalam bidang Botani dari Universiti Malaya, Kuala Lumpur, dan Sarjana dalam bidang Linguistik dari University of Texas di Arlington, Amerika Syarikat. Beliau telah berkhidmat sebagai konsultan linguistik dalam penyusunan dan penyediaan Kamus *Kadazan Dusun – Malay – English* (1995), dan Kamus *Timugon Murut – Malay* (2004). Beliau telah lama melibatkan diri dalam usaha mempromosi dan memelihara budaya dan bahasa ibunda orang asal. Beliau telah mengendalikankan bengkel latihan, memberi ceramah, dan menyelia dan menulis tentang bidang-bidang tersebut.

* Kadazandusun Language Foundation (KLF)/Yayasan Bahasa Kadazandusun telah ditubuhkan pada tahun 1995 sebagai satu institut kajian yang bukan membuat untung dan didaftarkan di bawah Ordinan Pemegang Amanah (Penggabungan) 1951 Cap. 148 (Sabah, Malaysia) untuk menjalankan pelbagai kajian berkenaan dengan pemeliharaan, pengembangan dan promosi bahasa Kadazandusun serta bahasa-bahasa tempatan lain di Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan. Pihak KLF telah menyokong usaha pihak Kementerian Pelajaran Malaysia dan Jabatan Pendidikan Negeri Sabah dalam usaha pengajaran dan pembelajaran bahasa Kadazandusun.